

22/10/1998

4 dana awam labur RM20.5b

NILAI pelaburan oleh empat dana awam yang dilaburkan dalam kegiatan mendatangkan keuntungan sejajar dengan syariah mencapai RM20.5 bilion sehingga 30 September lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dana awam itu ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Semua pelaburan itu mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang menggunakan kriteria standard, iaitu menumpukan kepada aktiviti utama syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Perdana Menteri berkata dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat semalam, sehingga 10 Ogos lalu, 542 kaunter atau 74 peratus adalah kaunter yang diluluskan.

Antara pecahan nisbah daripada dana itu ialah:

* Sebanyak 30.5 peratus atau RM3.6 bilion daripada jumlah pelaburan KWAP bernilai RM11.7 bilion.

* Sebanyak 40 peratus atau RM1.8 bilion dari jumlah pelaburan LTAT bernilai RM4.5 bilion.

* Sebanyak 14.9 peratus atau RM0.9 bilion dari jumlah pelaburan Perkeso bernilai RM6.4 bilion.

* Sebanyak 10.2 peratus atau RM14.2 bilion dari jumlah pelaburan KWSP bernilai RM138.8 bilion.

(END)